

SPESIFIKASI TEKNIKAL**SEBUTHARGA BIL. 7/2022:****PEMBEKALAN PERKHIDMATAN *THIRD PARTY ADMINISTRATOR* (TPA) UNTUK
MENGURUS DAN MENGAWAL FAEDAH-FAEDAH PERUBATAN PEGAWAI DAN
KAKITANGAN, PESARA SERTA TANGGUNGAN SME CORP. MALAYSIA****1. OBJEKTIF**

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perubatan yang efektif kepada setiap pegawai/kakitangan dan pesara serta tanggungan mereka. Dalam usaha menambahbaik dan mempertingkatkan kecekapan pengurusan kemudahan perubatan ini, Bahagian Pembangunan Modal Insan (HCD) mencadangkan supaya *pelantikan Third Party Administrator* (TPA) diteruskan lagi bagi mengurus dan mengawal selia kemudahan perubatan termasuk hospital, klinik dan pusat hemodialisis di mana pegawai, kakitangan dan pesara SME Corp. Malaysia serta tanggungan boleh mendapatkan rawatan perubatan berdasarkan kelayakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Kemudahan perubatan ini termasuk juga kemudahan khas ujian saringan Covid-19 bagi urusan rasmi SME Corp. Malaysia.

2. SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Kemudahan perubatan pegawai / kakitangan dan pesara serta tanggungan yang disediakan adalah seperti berikut:

No	Skim	Bilangan Pegawai	Bilangan Tanggungan	Rawatan Biasa (<i>Outpatient</i>)	Kemasukan ke Hospital (<i>Inpatient</i>)	Bersalin
1.	SME Corp.	287	1127	RM3,200 sekeluarga (para 1.2.2 - 1.2.5)	Mengikut gred (para 1.2.6)	RM2,000 / RM3,000 (para 1.2.1)
2.	Skim Saraan Malaysia (SSM)	36	135	RM1,700 sekeluarga (para 1.2.2 - 1.2.5)	Hanya di Hospital Kerajaan sahaja	
3.	Pesara	15	17	RM3,000 sekeluarga (para 1.2.2 - 1.2.5)	Mengikut gred (para 1.2.6)	RM2,000 / RM3,000 (para 1.2.1)

3. SYARAT – SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Kontrak Sebutharga ini adalah bagi tempoh selama 12 bulan bermula 1 Mei 2022 sehingga 30 April 2023.
- 3.2 Bayaran akan dibuat secara *one-off* mengikut pelaksanaan perkhidmatan beserta inbois dan dokumen berkaitan.

4. SYARAT – SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut : **221804** (Pengurusan Kewangan & Korporat).
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan di bawah.
- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberikan kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
 - a. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
 - b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja; dan
 - c. Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan.
- 4.4 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)* berdasarkan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari kerja lewat})$$

5. RAWATAN PERUBATAN YANG DIBENARKAN

- 5.1 Faedah Perubatan
 - a) SME Corp. Malaysia akan memberi kemudahan dan perkhidmatan perubatan seperti berikut:
 - i. semua rawatan perubatan biasa dan rawatan penyakit kritikal termasuk rawatan pakar, wad, pembedahan dan ubat kepada pegawai/kakitangan dan keluarganya yang disediakan oleh seorang pegawai perubatan Hospital atau klinik panel yang diiktiraf oleh SME Corp. Malaysia;

- ii. yuran pakar perubatan, rawatan dan ubat yang telah diberikan oleh pakar perubatan untuk pegawai dan kakitangan serta keluarga yang telah dirujuk kepada oleh seorang pegawai perubatan Hospital / klinik panel yang diiktiraf boleh dibayar oleh SME Corp. Malaysia;
 - iii. SME Corp. Malaysia akan menanggung segala kos perundingan rawatan pakar, perubatan dan pembedahan bagi pegawai / kakitangan dan keluarganya dengan syarat dimasukkan ke Hospital atau klinik panel yang diiktiraf oleh SME Corp. Malaysia;
 - iv. SME Corp. Malaysia atas budi bicaranya boleh meluluskan rawatan dan pembedahan dibuat di mana-mana tempat di luar Malaysia jika pada pendapat seorang pakar perubatan yang diiktiraf oleh SME Corp. Malaysia, rawatan dan pembedahan tersebut tidak dapat diperolehi di Malaysia, dan jika tidak dibuat boleh menjejaskan atau memudaratkan kesihatan pekerja berkenaan; dan
 - v. bagi pegawai / kakitangan yang sedang menjalankan tugas rasmi di luar negara, dan perlu mendapatkan rawatan serta dimasukkan ke hospital / pusat perubatan, SME Corp. Malaysia atas budi bicaranya boleh menanggung kos yuran, rawatan, ubat dan pembedahan dibuat di tempat pekerja menjalankan tugas rasminya.
- b) SME Corp. Malaysia atas budi bicaranya boleh menimbangkan kes-kes pembayaran balik untuk rawatan pekerja di hospital/klinik yang bukan panel SME Corp. Malaysia, kecuali rawatan semasa bercuti di luar negara.
 - c) Bagi keluarga pegawai/kakitangan yang tidak tinggal bersama, pembayaran perubatan keluarga pegawai/kakitangan yang mendapat rawatan bukan daripada Hospital/klinik panel yang diiktiraf oleh SME Corp. Malaysia, boleh dipertimbangkan oleh SME Corp. Malaysia. Walaubagaimanapun, kemudahan ini adalah terhad bagi rawatan di dalam negara sahaja.

5.2 Kemudahan perubatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

5.2.1 Kemudahan Bersalin

- a) SME Corp. Malaysia akan menanggung perbelanjaan untuk rawatan semasa bersalin bagi pegawai/kakitangan atau isterinya di Hospital / klinik panel yang diiktiraf oleh SME Corp. Malaysia sehingga maksimum lima (5) kali kelahiran termasuk kemudahan yang telah diperolehi semasa berkhidmat dengan Kerajaan sebelumnya. Walaubagaimanapun, jumlah rawatan berkenaan dihadkan kepada RM2,000 bagi kelahiran biasa dan RM3,000

bagi kelahiran secara pembedahan dan disokong dengan resit, mengikut bil sebenar, yang mana terendah.

- b) SME Corp. Malaysia akan menanggung perbelanjaan untuk rawatan semasa bersalin bagi pesara atau isteri pesara di hospital / klinik Kerajaan sehingga maksimum lima (5) kali kelahiran termasuk kemudahan yang telah diperolehi semasa berkhidmat dengan Kerajaan sebelumnya.

5.2.2 Rawatan Perubatan Biasa (*Outpatient*)

Bagi kemudahan rawatan perubatan biasa, pegawai/kakitangan/pesara dan keluarganya adalah layak sebanyak RM3,200 setahun termasuk rawatan pergigian dan kemudahan optometri.

5.2.3 Rawatan Pergigian (*Outpatient*)

SME Corp. Malaysia akan membayar balik tuntutan rawatan pergigian untuk pegawai/kakitangan dan keluarganya tidak melebihi RM3,200 setahun termasuk rawatan perubatan biasa. Kemudahan ini tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau dibawa ke tahun berikutnya. Rawatan pergigian dihadkan kepada 'scaling', tumpul, rawatan 'root canal', cabut gigi dan gigi palsu (untuk pegawai / kakitangan) sahaja.

5.2.4 Kemudahan Optometri (*Outpatient*)

SME Corp. Malaysia akan membayar balik tuntutan perbelanjaan optikal untuk pegawai/kakitangan dan keluarganya tidak melebihi RM3,200 setahun termasuk rawatan perubatan biasa. Kemudahan ini terhad kepada pembelian Kaca Mata dan kos baik pulih kaca mata, Kanta Lepak dan *Sunglasses* dengan preskripsi diperolehi selepas pemeriksaan mata yang dijalankan oleh profesional seperti optometri, pakar mata atau ahli optik.

5.2.5 Rawatan Pakar (*Outpatient*)

Bagi kemudahan rawatan perubatan pakar, pegawai / kakitangan / pesara dan keluarganya adalah layak sebanyak RM3,200 setahun termasuk rawatan biasa, rawatan pergigian dan Kemudahan Optometri. Pegawai / kakitangan / pesara dikehendaki memohon surat jaminan terlebih dahulu daripada SME Corp. Malaysia sebelum mendapat rawatan pakar bersama-sama dengan surat rujukan daripada klinik.

5.2.6 Rawatan Haemodialisis

Pegawai / Kakitangan / pesara dan keluarganya dibenarkan mendapat rawatan haemodialisis di mana-mana pusat haemodialisis atau Hospital yang diiktiraf oleh SME Corp. Malaysia. SME Corp. Malaysia hanya akan membayar kos rawatan haemodialisis dengan kadar maksimum tidak melebihi RM200.00 setiap kali rawatan bagi tiga (3) kali rawatan seminggu. Kos-kos lain akan ditanggung sendiri oleh pegawai / kakitangan / pesara. Pegawai / pesara dikehendaki memohon surat jaminan terlebih dahulu daripada SME Corp. Malaysia sebelum mendapat rawatan tersebut.

5.2.7 Kemasukan ke Hospital (*Inpatient*)

Jumlah kelayakan maksimum bagi pegawai / kakitangan / pesara atau keluarganya yang dimasukkan ke Hospital adalah seperti berikut:

KELAYAKAN MAKSIMUM BAGI KEMASUKAN KE HOSPITAL

Kumpulan Jawatan	Kelayakan Setahun (RM)	Caj Wad Sehari (RM)
Pengurusan Tertinggi	100,000.00	300.00
Pengurusan Kanan	80,000.00	250.00
Pengurusan Pertengahan	60,000.00	200.00
Eksekutif	50,000.00	150.00
Bukan Eksekutif	40,000.00	100.00

6. RAWATAN PERUBATAN YANG TIDAK DITANGGUNG

6.1 SME Corp. Malaysia tidak akan menanggung perbelanjaan perubatan pegawai / kakitangan / pesara dan keluarganya seperti berikut:

- i. rawatan alternatif yang diberikan seperti akupunktur, homeopati dan rawatan tradisional;
- ii. rawatan untuk mencegah kehamilan, kecuali atas sebab kesihatan;
- iii. rawatan kesuburan kecuali rawatan *primary infertility* dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);

- iv. Rawatan berbentuk kosmetik seperti kanta lekap (*contact lens*) dan anggota palsu untuk tujuan kecantikan;
- v. Perbelanjaan peribadi semasa kemasukan ke hospital seperti tambang teksi atau panggilan telefon;
- vi. Kelahiran melebihi lima (5) kali;
- vii. Kecederaan dan kesakitan akibat penyakit yang dialami kerana penyertaan dalam aktiviti haram yang menyalahi undang-undang;
- viii. Sakit yang timbul akibat daripada penggunaan ubat-ubatan yang tidak disyorkan oleh pegawai perubatan; dan
- ix. Kos-kos vitamin tambahan / *supplement* / *wellness programme*.

SPESIFIKASI TEKNIKAL

PEMBEKALAN PERKHIDMATAN *THIRD PARTY ADMINISTRATOR* (TPA) UNTUK MENGURUS DAN MENGAWAL FAEDAH-FAEDAH PERUBATAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN, PESARA SERTA TANGGUNGAN SME CORP. MALAYSIA

BIL	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan dengan jelas) *	CATATAN*
1.0	SPESIFIKASI			
1.1	MENGAWAL SELIA PELAKSANAAN KEMUDAHAN PERUBATAN : MENGURUS DAN MENTADBIR MANFAAT PERUBATAN PEKERJA			
1.1.1	Mengurus faedah perkhidmatan perubatan tanpa tunai dengan menyediakan panel-panel klinik / hospital / klinik pergigian / pusat optikal / pusat hemodialisis (pusat kesihatan) bagi memudahkan pegawai / kakitangan dan pesara serta tanggungan mendapatkan rawatan. Mengemukakan bilangan panel yang bakal ditawarkan di setiap negeri di lampiran			
1.1.2	Menyediakan Sistem pendaftaran bagi mendapatkan rawatan yang mudah dan cepat sama ada melalui kad perubatan/ kad pengenalan/aplikasi.			
1.1.3	Menyediakan Surat Jaminan bagi urusan kemasukan ke hospital dan bagi mendapatkan rawatan pakar atau mendapatkan rawatan hemodialisis.			
1.1.4	Memudahkan penyelesaian tuntutan bagi pihak SME Corp. Malaysia antara pusat kesihatan atau pegawai/ kakitangan/ pesara.			
1.1.5	Bil-bil rawatan perubatan diperiksa dan disahkan daripada pusat kesihatan dan memastikan harga yang dikenakan adalah berpatutan.			

BIL	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	PEMATUHAN (Sila √ atau x)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan dengan jelas) *	CATATAN*
1.1.6	Sebarang rekod perbelanjaan pegawai/kakitangan/pesara dipantau dan direkod serta merta (<i>real time basis</i>).		Masa diambil untuk merekod atau mengemaskini: _____	
1.2	MENYEDIKAN RANGKAIAN APLIKASI MUDAH DAN MESRA PENGGUNA: PERKHIDMATAN SOKONGAN OPERASI DAN PENYELENGGARAAN BAGI RANGKAIAN APLIKASI UNTUK KEMUDAHAN PERUBATAN PEGAWAI / KAKITANGAN / PESARA SME CORP. MALAYSIA			
1.2.1	Menyediakan aplikasi mudah dan mesra pengguna yang boleh dimuat naik melalui Aplikasi Android Play Store atau Apple App Store.			
1.2.2	Aplikasi yang menarik dan merangkumi elemen-elemen berikut: i. Maklumat/Senarai/Lokasi panel ii. Maklumat kelayakan pegawai iii. Surat Jaminan Elektronik iv. Rekod penggunaan pegawai v. Baki kelayakan perubatan pegawai vi. Limit kelayakan hospitaliti vii. Bil perubatan viii. Kemudahan pertanyaan/ perbualan dan rekod pertanyaan/perbualan ix. E-farma dan lain-lain berkaitan			
1.2.3	Menyediakan Talian Khidmat Pelanggan 24 jam 365 hari untuk mendapat bantuan perkhidmatan			
1.2.4	Menyediakan sesi taklimat dan booth penerangan selama 2 minggu bagi membantu pegawai/kakitangan/pesara mendapatkan maklum balas berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan.			

BIL	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	PEMATUHAN (Sila ✓ atau x)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan dengan jelas) *	CATATAN*
1.3	MENYEDIAKAN SISTEM/ APLIKASI BAGI MEMUDAHKAN PENTADBIR UNTUK MEMANTAU DAN MENJANA LAPORAN: PERKHIDMATAN SOKONGAN OPERASI DAN PENYELENGGARAAN BAGI RANGKAIAN APLIKASI / SISTEM UNTUK KEGUNAAN PENTADBIR SME CORP. MALAYSIA			
1.3.1	Pentadbir menerima notifikasi secara terus menerus <i>real time</i> bagi mengenal pasti pergerakan pegawai untuk mendapatkan rawatan di pusat kesihatan.			
1.3.2	Setiap transaksi direkodkan dan sistem ini dapat membantu pentadbir untuk menjana laporan dan mendapatkan maklumat-maklumat berikut: i. Kadar Penggunaan setiap pegawai/kakitangan/pesara dan tanggungan ii. Laporan Diagnosis / Penyakit setiap pegawai/kakitangan/pesara dan tanggungan iii. Sijil Sakit yang dikeluarkan kepada setiap pegawai/kakitangan.			
1.3.3	Membantu Pentadbir dengan memberi cadangan/kesimpulan bagi tujuan laporan dan perancangan akan datang.			
1.3.4	Mengadakan latihan dan perkhidmatan sokongan kepada pentadbir serta mengeluarkan laporan perubatan tahunan kepada pentadbir untuk analisa.			
1.3.5	Mengadakan <i>Courtesy Visit / online meeting</i> sekurang-kurangnya setahun sekali bagi membentangkan laporan perubatan SME Corp. Malaysia			
2.0	Sila senaraikan kelebihan/ keunikan perkhidmatan anda yang ditawarkan berbanding yang lain.			
3.0	Sila senaraikan Anugerah dan Pengiktirafan yang telah diterima (dalam Negara, peringkat			

BIL	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan dengan jelas) *	CATATAN*
	ASEAN, Antarabangsa) atau syarikat mempunyai pengalaman membekal produk/perkhidmatan yang sama / hampir sama untuk SME Corp. Malaysia			

*Sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :